



DIKELUARKAN OLEH JABATAN MUFTI PERLIS

**KELEBIHAN BERAMAL SOLEH PADA 10
HARI TERAWAL ZULHIJAH**

(TEKS KHUTBAH JUMAAT 1 JULAI 2022/1 ZULHIJAH 1443)

KELEBIHAN BERAMAL SOLEH PADA 10 HARI TERAWAL ZULHIJAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ
أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،
وَشَرَّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا، وَكُلَّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ، وَكُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ، وَكُلَّ ضَلَالَةٍ فِي
النَّارِ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian ,

Marilah kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t dengan bersungguh-sungguh , mengerjakan apa yang disuruh, dan menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah s.w.t, mudah-mudahan kita semua tergolong dalam kalangan orang-orang yang mendapat nikmat kejayaan di dunia dan kesejahteraan di akhirat . Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah:"KELEBIHAN BERAMAL SOLEH PADA 10 HARI TERAWAL ZULHIJAH".

Sidang Jumaat Yang Di Hormati Sekalian,

Zulhijjah adalah bulan yang keduabelas dalam taqwim Hijrah. Pada Hari ini kita sedang berada pada hari pertama bulan Zulhijjah, bagi tahun 1443 Hijrah. Di antara

waktu yang paling utama dan sangat dianjurkan supaya kita semua memperbanyak amal soleh atau amal ibadah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala ialah di waktu datangnya bulan Zulhijjah, khasnya pada sepuluh hari-harinya yang pertama. Terdapat pelbagai amalan-amalan soleh menurut Al-Quran dan Assunnah yang dianjurkan kepada kita semua supaya dilaksanakannya dan juga terdapat pelbagai fadhilat atau kelebihan yang akan kita perolehi jika kita melaksanakan amal-amal soleh tersebut pada 10 hari yang pertama di dalam bulan Zulhijjah, sepertimana Rasulullah SAW telah bersabda dalam satu hadis yang sahih, riwayat Al-Imam Abu daud:

مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ، يَعْنِي أَيَّامَ الْعَشْرِ،
قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ: وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ إِلَّا رَجُلٌ
خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ


Ertinya: *“Tidak ada hari-hari (yang lebih utama) di mana amal-amal soleh yang dilakukan pada hari-hari tersebut lebih dicintai Allah berbanding hari-hari ini, iaitu 10 hari pertama di bulan Zulhijjah.”* Para sahabat bertanya: *“Wahai Rasulullah, tidak juga jihad di jalan Allah?”* Jawab Rasulullah: *“Tidak jihad di jalan Allah, melainkan jika orang tersebut berangkat jihad dengan dirinya dan hartanya, lalu dia tidak kembali dengan sesuatu apa pun (iaitu: mati sebagai syahid)”*.

Yang dimaksudkan dengan 10 hari pertama dalam bulan Zulhijjah di sini adalah merangkumi hari-hari dalam bulan Zulhijjah bermula dari 1 Zulhijjah sampai habis hari-hari tasyriq, kesemuanya jika dihitung ialah sebanyak 13 hari.

Sidang jumaat Yang Dikasihi sekalian,

Banyak dalil-dalil yang menunjukkan fadhilat atau kelebihan melakukan amal soleh yang terkandung pada hari-hari di dalam bulan Zulhijjah, sama ada amalan atau ibadah itu dilaksanakan secara umum mahupun secara khusus. Antara amal soleh yang dianjurkan supaya kita semua melaksanakannya di awal bulan Zulhijjah, antaranya ialah,

Yang Pertama; hendaklah bersegera melaksanakan ibadah haji bagi sesiapa yang telah berkemampuan. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 197;



Maksudnya: "*Masa untuk mengerjakan ibadat Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum*".

Dan Rasulullah SAW telah bersabda:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

Ertinya: "*Umrah ke 'umrah berikutnya adalah penghapus dosa yang dilakukan di antara keduanya, dan haji yang mabrur tidaklah ada balasan baginya kecuali Syurga*". (Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Haji mabrur adalah haji yang selari dengan petunjuk Rasulullah SAW, ikhlas kerana mencari keredhaan Allah.

Yang Kedua; Berpuasa pada hari Arafah, ia adalah puasa sunnah yang dilaksanakan pada hari ke 9 di dalam bulan Zulhijjah, yakni ketika orang-orang yang berhaji sedang wukuf di 'Arafah. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Sallam bersabda:

صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ، أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ، وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ

Ertinya: "*Puasa di hari 'Arafah, aku berharap dengannya Allah akan menghapuskan dosa setahun yang lalu dan setahun yang akan datang...*" (Hadis Riwayat Muslim)

Puasa di hari Arafah adalah bagi selain daripada mereka yang melaksanakan haji, bagi sesiapa yang bukan sedang berada di 'Arafah. Adapun bagi mereka yang sedang berhaji atau sedang berwuquf di Arafah, maka sunnah puasa Arafah ini tidak dianjurkan untuk mereka.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Yang Ketiga; Kita dianjurkan supaya memperbanyakkan zikir-zikir berupa tahlil, takbir, dan tahmid sejak memasuki awal bulan Zulhijjah, yakni di 10 hari pertamanya, kemudian diteruskan pula pada hari-hari tasyriq. Dan ianya juga dianjurkan agar dibaca (dilaungkan) dengan suara kuat sepertimana laungan takbir raya, sebagaimana yang telah dicontohkan oleh para salafussoleh. Ianya dibaca pada mana-mana waktu secara umum sepanjang 10 hari pertama di dalam bulan Zulhijjah, dan disunnahkan agar memperbanyakkannya. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

لِيَشْهَدُوا مَنَفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنْ بَهِيمَةِ

الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: *“Agar mereka menyaksikan pelbagai manfaat bagi mereka, dan supaya mereka berzikir menyebut nama Allah pada hari-hari yang telah dimaklumi (ditentukan) atas rezeki yang Allah telah berikan kepada mereka berupa haiwan ternak.”* (Surah Al-Hajj ayat 28)

Pada ayat ini terkandung anjuran agar berzikir menyebut nama Allah sepertimana laungan takbir di hari raya. Telah berkata Al-Imam Mujahid: *“Bahawa Abu Hurairah dan Ibnu ‘Umar radhiyallahu ‘anhuma pernah keluar ke pasar pada hari-hari yang 10 (di awal Zulhijjah). Lalu mereka bertakbir dan bertakbirlah orang-orang yang ada bersama mereka berdua. Tidaklah datang ke pasar melainkan dengan demikian (dalam keadaan melaungkan takbir)”*. Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa takbir tersebut diucapkan dengan suara yang lantang (didengari), dan boleh diucapkan atau dilaungkan di mana-mana pun (selagi memungkinkan), baik ketika sedang berjalan, berkenderaan, di pasar-pasar, di rumah, ketika berbaring, atau semisalnya. Ulama membahagikan takbir kepada dua:

Pertama; Takbir Mutlaq: Ia dilakukan bermula 1 Zulhijjah sehingga hari Tasyriq yang ketiga. Dilakukan dalam setiap waktu, keadaan dan tempat.

Kedua; Takbir Muqayyad: Ia dilakukan setelah menunaikan solat fardhu. Bermula selepas solat Subuh 9 Zulhijjah sehingga selepas solat Asar hari Tasyriq ketiga.

Sidang Jumaat Yang Di hormati Sekalian,

Yang Keempat; Seterusnya, kita dianjurkan agar memperbanyakkan zikir berupa takbir, tahlil, dan tahmid sebaik sahaja selesai menunaikan solat fardhu lima waktu yang wajib, bermula pada waktu Subuh 9 Zulhijjah. Zikir ini dikenali dalam kalangan kita sebagai takbir raya (takbir ‘Iedul Adh-ha). Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman:

﴿وَأذْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَّعْدُودَاتٍ﴾

Maksudnya: "*Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya*". (Surah Al-Baqarah ayat 203)

Ikrimah RA telah menafsirkan ayat ini, maksudnya; "*(ianya) adalah takbir-takbir pada hari Tasyriq setelah solat-solat fardhu: (dengan takbir) Allahu Akbar, Allahu Akbar*". (Tafsir Ibnu Kasir)

Sidang Jumaat Yang Di kasihi Allah Sekalian,

Yang Kelima; Amalan soleh seterusnya yang digalakkan kepada kita semua untuk dilaksanakan pada awal bulan Zulhijjah ialah menyembelih korban pada hari-hari menyembelih, yakni antara 10 hingga 13 Zulhijjah, sepertimana Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman:

﴿فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَخْرِقْ﴾

Maksudnya: "*Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur)*". (Surah Al-Kautsar, ayat 2)

Ayat ini menunjukkan kata perintah agar berkorban setelah perintah solat, iaitu dalam rangka menunjukkan rasa syukur atas nikmat-nikmat dari Allah Ta’ala. Manakala dalil berkenaan hari untuk kita berkorban ialah sepertimana Nabi Shallallahu ‘alaihi wa Sallam bersabda:

﴿كُلُّ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ ذَبْحٌ﴾

Ertinya: **“Seluruh hari tasyriq adalah hari menyembelih (untuk berkorban)”**.
(Hadis Sahih Riwayat Ahmad)

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Sekalian,

Yang Keenam; Kita juga disunnahkan untuk makan dan minum pada 10 hingga 13 Zulhijjah dan dilarang berpuasa pada hari-hari tersebut. Ini adalah berdasarkan hadis dari ‘Uqbah bin ‘Aamir, Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa Sallam bersabda:

يَوْمُ عَرَفَةَ وَيَوْمُ النَّحْرِ وَأَيَّامُ التَّشْرِيقِ، عِيدُنَا أَهْلَ الْإِسْلَامِ، وَهِنَّ أَيَّامٌ أَكَلٍ وَشُرْبٍ

Ertinya: **“Hari ‘Arafah (bagi yang berhaji), hari An-Nahr, dan hari-hari Tasyriq di sisi kami ahli Islam, ianya merupakan hari-hari untuk makan dan minum”**. (Hadis Sahih riwayat Attirmizi)

Termasuk dalam makna ini adalah dianjurkan untuk menjamu dan memberi makan kepada orang lain. Di samping itu, hadis ini juga menunjukkan bahawa pada hari-hari tersebut adalah hari-hari yang dilarang untuk berpuasa. Seterusnya, amal soleh yang dapat kita laksanakan pada awal bulan Zulhijjah sepertimana yang telah disyariatkan ialah, disunnahkan makan, menyedekahkan, dan menghadiahkan daging haiwan korban tersebut, sepertimana Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman dalam surah Al-Hajj ayat 28:

لِيَشْهَدُوا مَنَفَعٍ لَّهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ

الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya; **“Supaya mereka menyaksikan pelbagai manfaat bagi mereka dan supaya mereka menyebut nama Allah (antaranya dengan cara menyembelih korban) pada hari yang telah ditentukan (iaitu pada 10-13 Zulhijjah) atas rezeki yang telah Allah berikan kepada mereka berupa haiwan ternakkan. Maka**

makanlah sebahagian darinya dan (sebahagian lagi) berikanlah untuk dimakan orang-orang yang sedang kesusahan (miskin) serta faqir”.

Al-Hafiz Ibnu Kasir rahimahullah berkata: *“Sebahagian ulama berhujah dengan ayat yang mulia ini bahawa daging udh-hiyyah (korban) terbahagi kepada tiga bahagian; yakni sepertiga untuk pemiliknya (yang berkorban), yakni untuk dia makan sebahagian darinya (atau dia simpan), sepertiga untuk dia hadiahkan kepada sahabat-sahabatnya, dan sepertiga lagi untuk dia sedekahkan kepada orang-orang yang faqir, kerana Allah Ta’ala berfirman: Yang Bermaksud;“... maka makanlah sebahagian darinya, dan berilah makan orang yang memerlukan (yang tidak meminta-minta) dan orang yang memerlukan (dalam keadaan meminta-minta)”.*

Terdapat banyak dalil daripada Al-Quran dan Assunnah yang menjelaskan kepada kita mengenai amal-amal soleh yang boleh kita laksanakan pada 10 awal Zulhijjah. Oleh itu, marilah kita sama-sama memperbanyakkan amal soleh pada 10 hari yang terawal dalam bulan Zulhijjah ini, sepertimana yang telah diperintahkan oleh Allah dan Rasulnya SAW. Mudah-mudahan kita semua tergolong dalam golongan hamba Allah yang banyak melaksanakan amal soleh dan memperolehi ganjaran pahala daripadanya serta mendapat kelebihan-kelebihannya.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Sekalian,

Memberi salam dan bersalaman ketika bertemu termasuk di dalam adab-adab yang diajar oleh Islam dan perbuatan ini merupakan akhlak yang terpuji. Ini kerana, memberi salam dan berjabat tangan akan melahirkan perasaan cinta dan kasih sayang di antara sesama kita. Rasulullah SAW bersabda :

إِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا لَقِيَ الْمُؤْمِنَ فَسَلَّمَ عَلَيْهِ وَأَخَذَ بِيَدِهِ فَصَافَحَهُ تَنَاطَرَتْ خَطَايَاهُمَا كَمَا يَتَنَاطَرُ وَرَقُ الشَّجَرِ

Ertinya: "*Apabila seorang mukmin bertemu dengan mukmin lainnya lalu mengucapkan salam kepadanya dan mengambil tangannya lalu menjabatnya, maka berguguranlah dosa-dosa mereka seperti gugurnya daun-daun dari pepohon".* (Hadis Sahih Liqairihi, Riwayat Attabrani)

Seorang muslim yang memberi salam dan berjabat tangan apabila bertemu saudaranya yang muslim akan menggugurkan dosa-dosanya seperti dedaunan yang gugur dari rantingnya, Oleh itu, hendaklah kita mengamalkan serta menghidupkan sunnah yang mulia ini, dan janganlah kita mensia-siakan kelebihan pengampunan dosa ini, yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Sesungguhnya, Allah SWT berfirman dalam surah Al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas Nabi, maka wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu berselawat dan salam ke atas Nabi.*

Nabi SAW bersabda dalam hadis yang sahih, daripada Anas Bin Malik RA;

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا ، وَحَطَّ عَنْهُ عَشْرَ خَطِيئَاتٍ

Yang bermaksud; *“Barangsiapa berselawat ke atas aku satu kali, maka Allah membalasnya (dengan merahmatinya dan Allah memberi ganjaran pahala kepadanya sebanyak) 10 kali dan (Allah) menghapuskan dosa-dosanya”.*(Hadis Riwayat Al-Bukhari dalam Al-Adabulmufrad)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ
الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunilah seluruh kaum muslimin sama ada yang hidup ataupun yang telah mati. Ya Allah! Berikan petunjuk hidayah serta rahmatMu kepada kami sekalian hamba-hambaMu dan kepada pemimpin kami terutamanya Raja pemerintah Negeri Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail serta kaum kerabat Baginda, supaya sentiasa beramal dengan kitabMu dan sunnah nabiMu Muhammad SAW, dan Engkau lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keadaan selamat, sihat sejahtera dan semoga dengan kesihatan yang baik yang telah Engkau kurniakan kepada baginda berdua, terlaksanalah pemerintahan yang adil lagi diredhai olehMu.

Ya Rahman, Ya Rahim! Kami memohon kepadaMu dengan segala kerendahan diri sebagai hambaMu, Engkau indahkanlah akhlak kami, Engkau perbaikilah pergaulan antara kami. Engkau peliharalah kami dari penyakit lemah, malas, berfikiran dangkal dan buruk budi pekerti.

Ya Rahman, Ya Wadud! Engkau baikilah keluarga kami, anak isteri kami, saudara mara kami, jiran tetangga kami dan seluruh urusan mereka yang kami kasih. Engkau jadikanlah kami umat yang mempunyai ketinggian akal dan budi, mempunyai minda yang unggul dalam menguruskan kehidupan ini dan menjadi teladan yang baik kepada manusia yang lain.

Ya Allah! Engkau jauhkanlah kami dari bala dan kerosakan. Engkau tambahkanlah nikmatmu kepada kami. Engkau berikanlah kepada kami kebahagiaan hidup di dunia dan di hari akhirat.

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ
بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبُغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.